

Berita Bandaraya

Berita Bandaraya boleh dilayari di www.dbkl.gov.my

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

HARAPAN DATUK BANDAR KE - TUJUH

Datuk Bandar Kuala Lumpur ke - tujuh, Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin bin Hj. Hasan berazam untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan DBKL kepada warga kota dan menjadikan Kuala Lumpur bersih, indah, mesra dan bertaraf dunia.

Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin bin Hj. Hasan, pegawai DBKL pertama yang dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur berazam untuk menyelesaikan program-program bertindih sebagai tugas pertamanya dalam usaha mengurangkan pembaziran.

Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin, 54 tahun diberi kepercayaan untuk menerajui DBKL untuk tempoh dua tahun, dilahirkan di Masjid Tanah, Melaka pada 10 Julai 1950, berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Sosiologi/ Antropologi) dari Universiti Malaya dan Sarjana Pengurusan Sains Pengurusan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau yang telah berkahwin dengan Y.Bhg. Datin Azizah bt. Jalil, telah dikurniakan lima cahaya mata.

Mula berkhidmat dengan DBKL pada tahun 1974 sebagai Pegawai Taksir Cukai (Sangkutan) dan sejak itu, Y.Bhg. Datuk Ruslin telah bertugas di pelbagai jabatan

dalam DBKL. Pada 1 Januari 2000, Y.Bhg. Datuk Ruslin telah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan Bandar dan beliau memegang jawatan sehingga Oktober 2001 apabila beliau dilantik pula sebagai Ketua Pengarah DBKL pada 10 Oktober 2001.

Y.Bhg. Datuk Ruslin yang amat meminati sukan golf dan *scuba diving* juga aktif berpersatuan di mana beliau merupakan Naib Yang di Pertua Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur, Ahli Jawatankuasa Kerja FAM (EXCO) bagi sesi 2004/2006, Pengerusi Biro Golf DBKL, Ahli Persatuan Menembak Selangor dan Pengerusi Kelab Bowling DBKL. Selain itu, beliau juga merupakan Yang di Pertua Majlis Keselamatan Jalan Raya Wilayah Persekutuan, Ahli Jawatankuasa Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ahli Persatuan ALUMNI Universiti Malaya dan Ahli Lembaga Penasihat Persatuan Anak-Anak Melaka (PERSAKA).

Kakitangan DBKL dan Sidang Redaksi Berita Bandaraya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin bin Hj. Hasan di atas perantaraan beliau sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baru.

Tahniah Datuk!

Selamat Tahun Baru

2005



Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin bin Hj. Hasan, Datuk Bandar Kuala Lumpur - Gambar Berita Bandaraya



Hari pertama menandakan tugas sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin bin Hj. Hasan, disambut oleh kakitangan DBKL di ruang lebar bangunan DBKL. - Gambar Berita Bandaraya

Dari Meja Pengarang



Mesra, mudah didekati, prihatin tetapi serius apabila bekerja. Beginilah yang ditafsirkan oleh kakitangan DBKL mengenai Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-tujuh, Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin bin Hj. Hasan.

Perlantikannya merupakan satu sejarah kerana inilah kali pertama pegawai DBKL dilantik ke jawatan berkenaan. Sebelum ini jawatan Datuk Bandar dipegang oleh Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD).

Sebagai orang dalam yang sudah sedia maklum perihal kerja dalam DBKL, Datuk Hj. Ruslin tentunya mempunyai keistimewaan tersendiri untuk menerajui DBKL. Adalah menjadi harapan semua supaya beliau dapat menggunakan kemahiran dan pengetahuan serta pengalaman berkhidmat dengan DBKL untuk menjadikan Kuala Lumpur bersih, kemas dan selesa.

Sesungguhnya kepentingan Kuala Lumpur bukan hanya untuk warga kota yang mendiaminya tetapi juga peranannya sebagai ibu kota Negara Malaysia. Walaupun pusat pentadbiran negara telah berpindah ke Putrajaya, namun Kuala Lumpur merupakan nadi penggerak kepada negara kerana segala aktiviti perniagaan, sukan, pelancongan dan sebagainya masih banyak tertumpu di sini.

Menjadi satu cabaran kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk memastikan Kuala Lumpur sentiasa membangun dengan sihat dan selamat untuk semua rakyat dan para pengunjung dari dalam dan luar negara. Dengan kata lain, inilah cabaran yang perlu ditempuhi oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

bagi memenuhi segala keperluan untuk memastikan Kuala Lumpur menjadi bandaraya yang maju.

Sejak Kuala Lumpur ditaburkan sebagai sebuah bandaraya, enam Datuk Bandar telah mencorakkan Kuala Lumpur. Bermula daripada sebuah pekan yang hanya mempunyai beberapa buah rumah, lombong bijih timah, kebun paku dan bangunan pejabat kerajaan, kini Kuala Lumpur terkenal dengan bangunan berkembarannya iaitu Menara Berkembar Petronas ataupun KLCC, antara bangunan tertinggi di dunia.

Pengalaman Datuk Hj. Ruslin bersama DBKL selama 30 tahun akan dijadikan inspirasi untuk mencorakkan hala tuju Kuala Lumpur selepas ini.

Selain sebagai pentadbir dan perancang Kuala Lumpur, Datuk Bandar juga bertanggungjawab melaksanakan aktiviti kemasyarakatan dan memfokuskan tugasnya kepada komuniti, kebudayaan dan pembangunan sukan. Aktiviti yang difokuskan akan lebih merapatkan hubungan sesama kakitangan DBKL dan juga dengan penduduk tempatan

Kerjasama yang erat dan padu di antara Datuk Bandar, kakitangan DBKL dan seluruh agensi-agensinya kerajaan dan swasta serta warga kota akan merealisasikan impian Kuala Lumpur untuk setanding dengan bandaraya-bandaraya bertaraf dunia yang lain seperti New York, Sydney, Hong Kong, Tokyo dan Singapura.

SELAMAT TAHUN BARU 2005

BERITA RINGKAS

*Lorong-lorong belakang di sekitar Kuala Lumpur akan diterangi dengan lebih banyak lampu-lampu jalan supaya kegiatan-kegiatan yang berunsur jenayah seperti penagihan dadah, pelacuran dan sebagainya dapat dibendung.

*Bagi pengusaha Bajet Hotel dan Rumah Tumpangan di Kuala Lumpur yang menganjurkan apa-apa aktiviti-aktiviti yang menyalahi syarat-syarat permit yang diluluskan, DBKL akan mengambil tindakan membatalkan permit yang diberikan dan barangan akan dirampas.

*Lebih 100 wakil daripada pelbagai agensi telah mengemukakan 160 cadangan bagi tujuan penyediaan Bajet Mesra Rakyat 2005. Penyertaan orang awam merupakan objektif DBKL dalam penyediaan bajet tersebut.

*Y.Bhg. Brig. Jen Datuk Mohamad Shaid bin Mohd Taufek mula dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala

Lumpur pada 14 Disember 2001 dan telah tamat tempoh perkhidmatannya pada 13 Disember 2004.

*DBKL bercadang untuk menyediakan pusat jagaan harian warga emas di semua Projek Perumahan Awam (PPR). Pada tahun 2005, DBKL telah menganggarkan 4 pusat seumpama itu di Perumahan Awam Sri Sabah, Gombak Setia, Sri Perlis dan Segambut. Program ini termasuk "Inter-Generated Communication" di mana para warga emas dapat berkongsi pengalaman mereka bersama generasi muda. DBKL telahpun mempunyai pusat jagaan warga tua di Jalan Siakap, Cheras yang telah dibuka secara rasmi pada 1 Julai 2002. Pusat tersebut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti peralatan senaman, sukan, bahan bacaan dan komputer.

*Pada 17 Disember 2004, PUSPANITA Cawangan DBKL menyampaikan sumbangan pakaian seragam persekolahan kepada 86 orang anak-anak kakitangan DBKL sempena sesi persekolahan yang akan dibuka

bersambung ke muka surat 3

PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR 2020

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL 2020) merupakan rangka tindak yang akan memandu pembangunan Kuala Lumpur untuk 20 tahun akan datang. Pelan ini menggariskan matlamat, strategi dan dasar ke arah mencapai wawasan di samping mengenalpasti cara untuk mengurang atau menangani isu dan masalah warga kota. Wawasan PSKL 2020 ialah untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai sebuah Bandaraya Bertaraf Dunia dengan persekitaran kerja, hidup, niaga dan urus tadbir bertaraf dunia.

PSKL 2020 ini telah diluluskan oleh Menteri Wilayah Persekutuan pada 16 ogos 2004. Pelan ini telah mengambil kira pindaan-pindaan disyorkan oleh Jawatankuasa Mendengar Bantahan Awam iaitu semua bantahan dan pandangan orang ramai dalam sesi Mendengar Bantahan Awam yang diadakan sebelum itu. PSKL 2020 kemudiannya telah dipinda dan diubahsuai mengikut arahan kelulusan Menteri Wilayah Persekutuan dan diwartakan pada 4 November 2004.

PSKL 2020 boleh diperiksa dan diperolehi pada waktu pejabat di Jabatan Pelan Induk, Tingkat 12, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut mulai 4 November 2004 dengan harga RM120.00 senaskhah bagi versi Bahasa Malaysia dan RM160.00 bagi versi Bahasa Inggeris.

Selaras dengan keperluan Seksyen 13(2) Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267) setelah Pelan Struktur digunapakai, Draf Pelan Tempatan bagi Kuala Lumpur perlu disediakan. Mengikut Seksyen 13(3) Akta 267 juga, pelan tempatan ialah satu pelan yang mengandungi peta dan kenyataan bertulis yang menyatakan secara terperinci cadangan-cadangan untuk pembangunan dan kegunaan tanah, termasuklah langkah-langkah untuk membaiki alam sekitar dari segi fizikal dan membaiki pengangkutan.

Fungsi utama pelan tempatan adalah menterjemahkan dan melaksanakan matlamat strategi dan dasar pembangunan PSKL 2020 serta memperincikan



Y.Bhg. Brig. Jen. Datuk Mohamad Shaïd bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur menyerahkan Laporan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 kepada YB Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad, Menteri Wilayah Persekutuan. Di sebelah kanan Datuk Bandar ialah YB Datuk Hj. Zulhasnan bin Rafique, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan - Gambar Berita Bandaraya

dasar-dasar dan kawalan pembangunan yang terkandung dalam PSKL 2020. Pelan tempatan juga akan mempe-
runtukan warga kota suatu perspektif masa hadapan secara komprehensif dan terperinci. Pelan ini akan menyediakan beberapa garis panduan perancangan terperinci untuk pemilik-pemilik dan pemaju-pemaju tanah bagi pembangunan tapak-tapak tertentu.

Pada waktu ini DBKL sedang menyediakan Asas Rujukan bagi penyediaan Pelan Tempatan Kuala Lumpur (PTKL) yang akan menjadi panduan dan rangka awal kepada pakar runding bagi menjalankan kajian PTKL.

Kajian PTKL dijangka akan bermula pada awal tahun 2005 yang akan mengambil masa selama 18 bulan untuk disiapkan. Kajian ini akan melibatkan banyak peringkat kajian seperti pengumpulan maklumat, analisis dan pembentukan cadangan awal, sebelum Draf PTKL dapat dirumuskan. Pada setiap peringkat kajian ini, orang ramai akan diberi peluang untuk turut serta bersama-sama menyumbang pandangan dan cadangan untuk pembangunan Kuala Lumpur pada masa akan datang.

sambungan dari muka surat 2

pada 3 Januari 2005. Sumbangan telah disampaikan oleh Y.Bhg. Datuk Bandar Datuk Hj. Jalil, Pengerusi PUSPANITA, Cawangan DBKL.

*Sempena cuti persekolahan yang panjang, Pertubuhan Kebajikan Pekerja-Pekerja India DBKL telah mengadakan program lawatan untuk anak-anak ahli per-

tubuhan tersebut untuk melawat ke Balai Bomba Jalan Hang Tuah, Muzium Tentera Udara Diraja Malaysia di Sungai Besi dan Muzium polis Diraja Malaysia di Taman Tasik Perdana pada 24 November 2004. Untuk tujuan itu, DBKL telah menyediakan pengangkutan percuma kepada mereka.